

BAB 8

PERUBAHAN STRUKTUR: SEKTOR PERTANIAN SEMAKIN TIDAK RELEVAN

Fuad Mohamed Berawi

Pengenalan

Perubahan Struktur Ekonomi

Konsep perubahan struktur ekonomi dalam sistem kapitalis moden, diketengahkan oleh banyak ahli ekonomi pembangunan. Antara yang terawal ialah Simon Kuznet (Kuznet, 1965) yang menekankan perubahan daripada aktiviti ekonomi tradisi kepada ekonomi moden dalam keluaran dan gelagat sesebuah ekonomi. Proses perubahan tersebut digambarkan sebagai peningkatan dalam bilangan tenaga buruh mahir, keuntungan, tabungan, kadar bunga dan juga perdagangan antarabangsa.

Definisi seterusnya dikembangkan oleh Chenery sebagai perubahan sesebuah ekonomi dari sektor pertanian kepada sektor pembuatan sebagai enjin pertumbuhan (Chenery, 1979). Chenery memperincikan perubahan struktur adalah meliputi peningkatan dalam modal, sama ada melalui peningkatan tabungan atau pelaburan, peningkatan dari segi permintaan agregat pengguna meliputi peralihan daripada penggunaan barangan asas seperti makanan kepada barangan perkilangan dan perkhidmatan. Selain itu, peningkatan perdagangan antarabangsa, pertumbuhan bandar dan industri akibat migrasi luar bandar ke bandar, selain penurunan saiz keluarga dan kadar peningkatan penduduk.

Fokus kepada mekanisme perubahan daripada ekonomi kurang maju yang menekankan ekonomi tradisi pertanian kepada struktur ekonomi domestik moden berlanjutan bukan lagi berkisar kepada teori harga dan agihan klasik tetapi turut mengaplikasi kaedah ekonometrik yang lebih terkini dan komprehensif bagi menterjemahkan bagaimana perubahan ini dapat mengambil tempat ekonomi tradisi. Dalam erti kata lain, dapatlah dimengertikan bahawa, perubahan struktur sesebuah ekonomi dilihat sebagai peralihan sesebuah ekonomi daripada sektor pertanian kepada sektor pembuatan. Ia bukan saja melibatkan perubahan struktur ekonomi tetapi juga perubahan institusi sosial sebagai pemacu pertumbuhan baru dengan kaedah yang lebih baik berbanding sebelumnya.

Pengalaman negara kapitalis yang maju membuktikan bahawa perubahan struktur ekonomi negara melalui pembentukan modal yang besar, aplikasi teknologi terkini, serta peningkatan

kapasiti industri dan keusahawanan mampu menjana tingkat pendapatan tinggi dan pertumbuhan yang pantas seperti pengalaman United Kingdom seawal tahun 1780-an Perancis 1830-an Amerika Syarikat 1840-an. Negara Amerika Syarikat antara negara terpuat mencapai perubahan struktur dan menikmati tahap pertumbuhan tinggi ini seawal 1900-an (Todaro, 2003).

Kelesuan Sektor Pertanian Malaysia


Sejajar dengan pengertian tersebut, Malaysia tidak ketinggalan mengorak langkah lebih awal berbanding negara jiran serantau dengan menggubal pelbagai dasar dan strategi yang menekankan kepada perubahan struktur. Pelbagai dasar pembangunan moden yang diperkenalkan seperti Dasar Perindustrian Negara dengan pelaksanaan Pelan Industri Perindustrian Negara bagi meningkatkan perkembangan industri berat. Dasar Persyarikatan Malaysia yang menekankan penglibatan dan kerjasama pihak swasta sebagai pemangkin ekonomi dan enjin pertumbuhan ke arah Negara Perindustrian Baru (*NICs*) seperti yang dilalui oleh Korea Selatan, Taiwan dan Singapura. Di samping itu, Dasar Penswastaaan dan Dasar Pandang ke Timur yang menjadikan Jepun dan Korea Selatan sebagai contoh bagi meningkatkan pengurusan melalui etika kerja.

Kesemua jentera tersebut berjalan tanpa menoleh ke belakang mencambahkan kesan yang begitu signifikan dalam jangka waktu yang singkat. Sektor pertanian yang pernah menjadi tulang belakang ekonomi Malaysia selama lebih setengah abad akhirnya merudum, tidak mampu bertahan akibat asakan sektor pembuatan. Sumbangan awal sektor tersebut sebanyak 31.5 peratus kepada KDNK pada tahun 1965 terus menerus mengalami trend menurun kepada 27.2 peratus pada tahun 1975, 20.8 peratus pada 1985, 10.3 peratus pada 1995 dan hanya 8.7 peratus pada tahun 2000 berbanding sektor pembuatan yang pada awalnya hanya 10.4 peratus terus meningkat kepada 16.4 dan 19.7 peratus pada tahun 1975 dan 1985. Pada tahun 1995, sektor pembuatan mendahului lebih sekali ganda sumbangan kepada KDNK kepada 27.1 peratus berbanding hanya 10.3 peratus bagi sektor pertanian (*Rajah 8.1*) dan terus mencecah 33.4 peratus pada tahun 2000 sebagai kesan langsung pelaksanaan Dasar Perindustrian Negara yang menitikberatkan perkembangan industri berat dan juga penggubalan Pelan Induk Perindustrian (P&PI) 1986 hingga 1995. Sumbangan ini dijangka berterusan menjelang tahun 2005 (*Jadual 8.1*).

Penurunan sumbangan kepada KDNK bukan saja dari segi nilai mutlak tetapi juga dari segi trend pertumbuhan purata tahunan dalam KDNK (*Rajah 8.2*). Dalam jangka masa 1966 hingga 1970, pertumbuhan adalah setinggi 6.8 peratus dan bertahan sekitar 5.4 hingga 5.7 peratus dalam jangka masa 1971 hingga 1980, tetapi menjelang tahun 1996 hingga 2000, pertumbuhan menjunam kepada 1.2 peratus. Berbanding prestasi pertumbuhan sektor pembuatan yang mengekalkan kestabilan sekitar 9.1 hingga 13.7 sepanjang jangka masa 1966 hingga 2000 (*Jadual 8.2*). Walaupun terdapat kejatuhan yang besar dalam pertumbuhan purata tahunan KDNK sektor pembuatan pada pertengahan 1980-an akibat kemelesetan ekonomi kesan daripada penurunan permintaan

Rajah 8.1

Trend Sumbangan Sektor Pertanian dan Pembuatan kepada KDNK (%)



Jadual 8.1

Sumbangan Sektor Pertanian dan Pembuatan kepada KDNK (RM juta)

Tahun	Pertanian	Peratus	Pembuatan	Peratus
1965	2,066	31.5	682	10.4
1970	3,380	30.0	1,354	13.2
1975	4,804	27.2	2,850	16.4
1980	6,172	23.6	5,054	19.3
1985	11,854	20.8	11,263	19.7
1990	14,799	18.6	21,340	26.9
1995	17,115	10.3	45,174	27.1
2000	18,154	8.7	69,867	33.4
2005†	21,018	7.0	107,237	35.8

Nota: †Anggaran


Sumber: Malaysia, Laporan Ekonomi (pelbagai tahun)

Malaysia, Rancangan Malaysia (pelbagai keluaran)

luar, tetapi lonjakan pertumbuhan sektor ini adalah lebih pantas berbanding sektor pertanian pada sesi pemulihan 1986 hingga 1990 dengan kenaikan pertumbuhan purata tahunan daripada 5.2 peratus kepada 13.7 peratus, iaitu kenaikan sebanyak 8.1 peratus berbanding kenaikan sektor pertanian daripada 3.2 peratus kepada 4.2 peratus dalam jangka masa tersebut.

Rajah 8.2

Trend Pertumbuhan Purata Tahun KDNK Sektor Pertanian dan Pembuatan (%)



Jadual 8.2

Pertumbuhan Purata Tahunan KDNK Sektor Pertanian dan Pembuatan (%)

Tahun	Pertanian	Pembuatan
1966-1970	6.8	9.9
1971-1975	5.7	11.6
1976-1980	5.4	11.3
1981-1985	3.2	5.2
1986-1990	4.6	13.7
1991-1995	2.0	13.3
1996-2000	1.2	9.1
2001-2005†	3.0	8.9


Nota: †Anggaran

Sumber: Malaysia, Laporan Ekonomi (pelbagai tahun)
 Malaysia, Rancangan Malaysia (pelbagai keluaran)

Menjelang tahun 2000, sektor pertanian tersisih daripada sumbangan kepada KDNK dengan mencatat penurunan pertumbuhan kepada 1.2 peratus setahun berbanding sektor pembuatan 9.1 peratus bagi jangka masa 1996 hingga 2000, walaupun pada hakikatnya ia masih lagi penting terutama bagi negeri kurang maju dengan sumbangan lebih 15 peratus kepada KDNK Kedah, Kelantan, Pahang dan Sabah, dengan sumbangan tertinggi bagi Sabah 24.5, Pahang 21.3 dan Kedah 18.8 peratus terutama sumbangan minyak sawit, kayu balak, keluaran hutan, ternakan dan perikanan (Malaysia, 2001. *Rancangan Malaysia Kelapan*).

Rajah 8.3

Trend Eksport Sektor Pertanian dan Pembuatan daripada Jumlah Eksport (%)



Jadual 8.3

Bahagian Eksport Sektor Pertanian dan Pembuatan daripada Jumlah Eksport (%)

Tahun	Pertanian	Pembuatan
1965	78.8	9.5
1970	60.2	11.9
1975	54.2	21.4
1980	42.8	21.8
1985	32.2	32.8
1990	22.3	58.8
1995	13.1	79.6
2000	4.0	85.2
2005 [†]	3.4	88.9

Nota: [†] Anggaran

Sumber: Malaysia, Laporan Ekonomi (pelbagai tahun)

Malaysia, Rancangan Malaysia (pelbagai keluaran)

Dari segi eksport, bahagian sektor pertanian turut menampakkan trend kejatuhan yang sama. Pada tahun 1965, sumbangan sektor ini menampung kocek eksport negara dengan sumbangan sebesar 78.8 peratus berbanding sektor pembuatan hanya 9.5 peratus. Bagaimanapun, era seterusnya, terutama dekad 1980-an menunjukkan peningkatan eksport sektor pembuatan terutama melalui penubuhan Majlis Galakan Eksport pada Disember 1985 di bawah Dasar Persyarikatan Malaysia yang berlandaskan kerjasama sektor awam dan swasta yang lebih menekankan sektor pembuatan. Bahagian sektor pembuatan telah meningkat daripada hanya 4 peratus pada tahun 1961 kepada 12 peratus pada tahun 1980 dan 58 peratus pada tahun 1990 (*Jadual 8.3*).

Jika dilihat dengan lebih terperinci, walaupun sumbangan eksport beberapa komoditi pertanian utama seperti minyak sawit menampakkan peningkatan yang tinggi dari segi nilai mutlak tetapi dari segi peratusannya ternyata menurun. Nilai mutlak eksport minyak sawit meningkat dengan drastik daripada hanya RM2,515 juta pada tahun 1980, kepada RM4,421 juta pada tahun 1990 dan RM9,948 juta pada tahun 2000, tetapi peratusan daripada jumlah eksport adalah menurun daripada 9.3 peratus kepada 5.5 dan serendah 2.7 peratus pada tahun terlibat. Begitu juga dengan sumbangan eksport getah yang berlegar sekitar RM2,872 juta pada tahun 1985, RM3,028 juta pada tahun 1990 dan meningkat hingga RM4,038 juta pada tahun 1990, tetapi peratusannya menunjukkan trend menurun dari 7.6 peratus kepada 3.8 dan terus menjunam serendah 0.7 peratus (*Jadual 8.4 dan Jadual 8.5*).

Jadual 8.4
Pengeluaran dan Eksport Komoditi Pertanian

Pengeluaran	1980	1985	1990	1995	2000	2005 [†]
Minyak sawit mentah						
Eksport ('000 tan metrik)	2,136	3,214	5,680	6,656	8,863	8,760
Nilai (RM juta)	2,515	3,951	4,421	10,395	9,948	11,035
Getah						
Eksport ('000 tan metrik)	1,526	1,497	1,322	1,013	996	700
Nilai (RM juta)	4,618	2,872	3,028	4,038	2,571	1,890
Kayu balak (meter padu)						
Eksport ('000 tan metrik)	15,117	19,630	20,354	7,746	6,484	5,266
Nilai (RM juta)	2,616	2,771	4,041	2,264	2,489	2,000
Koko						
Eksport ('000 tan metrik)	31	82	163	53	11	33
Nilai (RM juta)	177	410	449	172	33	119

Nota: [†]Anggaran

Sumber: Malaysia, Laporan Ekonomi (pelbagai tahun)

Malaysia, Rancangan Malaysia (pelbagai keluaran)


Dari segi guna tenaga, peratusnya juga menunjukkan perubahan ketara antara kedua-dua sektor. Sektor pembuatan terus mengungguli sumbangan terutama pertengahan 1990-an daripada hanya 8.4 peratus pada tahun 1966 meningkat kepada 9.5 pada tahun 1970 dan terus meningkat sekali ganda dalam 2 dekad seterusnya berbanding sektor pertanian yang menjunam sekali ganda dalam tempoh yang sama (*Jadual 8.6*). Namun begitu, walaupun penurunan sumbangan ini amat ketara tetapi, untuk tempoh antara tahun 1995 hingga tahun 2000, nilai ditambah sektor pertanian sebenarnya menunjukkan trend meningkat. Peningkatan nilai ditambah setiap pekerja sektor pertanian berjumlah RM11,466 pada tahun 1995, RM12,898 tahun 2000 dan dijangka meningkat kepada

Jadual 8.5
Bahagian Eksport Minyak Sawit dan Getah daripada Jumlah eksport (%)

Tahun	Minyak sawit	Getah
1965	2.7	48.0
1970	2.5	33.0
1975	14.2	21.9
1980	9.3	16.4
1985	10.4	7.6
1990	5.5	3.8
1995	5.3	2.4
2000	2.7	0.7
2005 [†]	2.0	0.3

Nota: [†]Anggaran
 Angka dalam kurungan menunjukkan peratus daripada jumlah eksport
 Sumber: Malaysia, Laporan Ekonomi (pelbagai tahun)
 Malaysia, Rancangan Malaysia (pelbagai keluaran)

Rajah 8.4
Jumlah Guna Tenaga Sektor Pertanian dan Pembuatan (%)



RM16,088 pada tahun 2005 (Malaysia, 2001, *Rancangan Malaysia Kelapan*). Selain itu, penguncupan jumlah guna tenaga sektor ini kepada 1.2 peratus dalam tempoh terlibat sebenarnya kurang daripada jangkaan asal kerana pekerja kembali ke sektor pertanian akibat pengurangan peluang pekerjaan dalam sektor ekonomi yang lain terutama kejatuhan sektor pembinaan yang terjejas teruk akibat kemelesetan ekonomi. Pada dasarnya, sektor perladangan masih mampu menyumbangkan peluang pekerjaan kerana masih mengalami kekurangan pekerjaan sebanyak 19,000 orang pada tahun 2000 kerana kurang pekerja tempatan yang berminat untuk menceburkan diri di sektor berkenaan. Walaupun peratusan

daripada jumlah guna tenaga jatuh daripada 20.1 peratus pada tahun 1995 kepada 18.1 peratus pada tahun 2000 tetapi masih terdapat permintaan untuk pekerja pertanian terutama bagi aktiviti penyelenggaraan padang golf, taman rekreasi dan pelancongan berasaskan pertanian (Malaysia, 2001. *Rancangan Malaysia Kelapan*).

Jadual 8.6
Jumlah Guna Tenaga sektor Pertanian dan Pembuatan ('000 orang)

Tahun	Pertanian	Peratus	Pembuatan	Peratus
1966	1,277.0	58.7	217.0	8.4
1970	1,749.0	52.5	318.0	9.5
1975	1,937.0	49.3	398.0	10.1
1980	1,911.0	39.6	755.0	15.7
1985	1,759.6	31.3	855.4	15.2
1990	1,738.0	26.0	1,333.0	19.9
1995	1,492.7	18.7	2,027.5	25.3
2000	1,407.5	15.2	2,558.3	27.6
2005 [†]	1,306.5	12.0	3,200.3	29.5

Nota: [†]Anggaran

Sumber: Malaysia, Laporan Ekonomi (pelbagai tahun)
Malaysia, Rancangan Malaysia (pelbagai keluaran)

Jadual 8.7
Pertumbuhan Purata dan Pengwujudan Pekerjaan di Sektor Pertanian dan Pembuatan (%)

	Kadar pertumbuhan purata tahunan		Pengwujudan pekerjaan bersih	
	Pertanian	Pembuatan	Pertanian	Pembuatan
1981–1985	0.7	3.2	-42.3	72.9
1986–1990	0.9	8.6	78.0	434.8
1991–1995	-3.8	9.0	-309.3	718.6
1996–2000	-1.2	4.8	-85.2	530.8
2001–2005 [†]	-1.5	4.6	-101.0	642.0

Nota: [†]Anggaran

Sumber: Malaysia, Laporan Ekonomi (pelbagai tahun)
Malaysia, Rancangan Malaysia (pelbagai keluaran)

Jadual 8.8
Guna Tenaga mengikut Kumpulan Pekerjaan Utama ('000 orang)

Tahun	Pekerja pertanian ¹	%	Pekerja pengeluaran ²	%	Pekerja perkhidmatan	%
1965	1,350.0	52.1	217.0	8.4	463.0	17.9
1970	1,454.0	49.5	270.0	9.2	580.0	19.7
1975	1,936.8	49.3	398.2	10.1	152.3	3.9
1980	1,864.4	38.7	1,372.8	28.5	418.2	8.7
1985	1,907.4	34.9	1,628.7	29.8	527.0	9.6
1990	1,955.9	32.0	1,899.6	31.1	624.7	10.2
1995	1,607.8	20.1	2,711.8	33.9	887.9	11.1
2000	1,678.1	18.1	3,041.0	32.8	1,094.0	11.8
2005 [†]	1,856.6	17.1	3,366.4	30.0	1,346.6	12.4

Nota: [†] Anggaran

¹ Pekerja pertanian termasuk penternakan haiwan, perhutanan, nelayan dan pemburu

² Pekerja pengeluaran dan berkaitan termasuk operator dan buruh peralatan pengangkutan


Sumber: Malaysia, Laporan Ekonomi (pelbagai tahun)

Malaysia, Rancangan Malaysia (pelbagai keluaran)

Namun begitu, hakikat sebenar sektor pertanian semakin lesu amat ketara dari segi kadar pertumbuhan purata dan pengwujudan peluang pekerjaan berbanding sektor pembuatan. Sektor pertanian mengalami pertumbuhan negatif untuk tiga jangka masa terakhir sesi 1991 hingga 1995, 1996 hingga 2000 dan dalam pelunjuran tahun 2001 hingga 2005 dengan masing-masing -3.8 peratus, -1.2 dan -1.5 peratus dalam kadar pertumbuhan, manakala -309.3, -85.2 dan -101.0 peratus bagi pengwujudan peluang pekerjaan dalam tempoh terlibat. Sebaliknya, walaupun pertumbuhan sektor pembuatan mengalami penurunan purata daripada 9.0 peratus kepada 4.8 dan 4.6 peratus dalam tempoh yang sama, tetapi bagi pengwujudan peluang pekerjaan, sumbangan sektor ini amat signifikan dengan peningkatan 718.6, 530.8 dan 642.0 peratus, suatu peningkatan yang boleh dibanggakan (*Jadual 8.7*).

Jika dilihat dengan lebih terperinci lagi, pekerja pertanian ternyata mengalami penurunan ketara berbanding pekerja pengeluaran dan perkhidmatan sepanjang tahun 1965 hingga 2000 (*Rajah 8.5*). Daripada peratusan awal 52.1 pada tahun 1965 terus menjunam kepada hanya 17.1, kejatuhan sebanyak 35 peratus dengan kejatuhan tertinggi antara tahun 1990 hingga 1995 sebanyak 11.9 peratus, iaitu pada ketika ekonomi Malaysia sedang mengalami pengembangan. Sektor pembuatan pula sebaliknya menunjukkan prestasi cemerlang daripada hanya 8.4 peratus pada 1965 melonjak kepada 32.8 peratus, kenaikan sebanyak 24.4 peratus dalam tempoh terlibat dengan kenaikan maksimum antara tahun 1975 hingga 1980 sekitar 18.4 peratus (*Jadual 8.8*).

Rajah 8.5
Trend Guna Tenaga mengikut Kumpulan Pekerjaan Utama (%)



Dari segi guna tanah komersil terutama untuk industri dan makanan, hanya kelapa sawit, tembakau, sayur-sayuran, dan buah-buahan saja yang menunjukkan peningkatan guna tanah berbanding tanaman lain seperti getah, koko, lada hitam, nanas, padi, kelapa dan tanaman lain menurun (*Jadual 8.9*). Guna tanah sektor getah misalnya jatuh daripada 1.4 juta hektar pada tahun 1980 kepada 1.4 juta pada tahun 2000. Koko jatuh daripada 120 ribu kepada 105 ribu hektar, dan padi jatuh daripada 735 ribu kepada 572 ribu hektar dalam tahun terlibat. Peningkatan yang ketara hanyalah dalam sektor sayur-sayuran dengan peningkatan daripada 13 ribu kepada 51 ribu hektar dan buah-buahan daripada 93 ribu kepada 297 ribu hektar dalam tahun terlibat.

Sebaliknya peningkatan guna tanah kelapa sawit bukanlah satu yang dapat dibanggakan kerana sebahagian besar dari pembesaran sektor ini sebaliknya hanyalah hasil daripada penukaran guna tanah pertanian daripada getah kepada kelapa sawit. Dalam jangka masa 1995 hingga 2000 sahaja, seluas 430,800 hektar tanah getah dan koko telah ditukar kepada kelapa sawit dan kegunaan lain (*Malaysia, 2001, Rancangan Malaysia Kelapan*). Hal ini menjelaskan bahawa peningkatan sektor kelapa sawit sebenarnya adalah hasil daripada penurunan guna tanah getah dan koko.

Namun begitu, dari segi pertumbuhan purata guna tanah pertanian untuk tanaman lada hitam dan nenas sebenarnya menunjukkan pertumbuhan yang positif walaupun nilai mutlak nya jatuh dalam jangka masa 1996 hingga 2000. Pertumbuhan purata tahunan lada hitam masih positif 5.9 dan nenas 2.4 peratus dan dijangka mengekalkan pertumbuhan positif sepanjang tempoh 2001 hingga tahun 2005, sekitar 1.7 bagi lada hitam dan 9.4 bagi nenas. Tanaman lain juga menunjukkan pertumbuhan positif sepanjang jangka masa 1996 hingga 2000 dengan tembakau menunjukkan pertumbuhan tertinggi 7.3 peratus diikuti kelapa sawit 6.7 peratus, sayur-sayuran 4.1 dan buah-buahan 4.0 peratus (*Jadual 8.10*).

Jadual 8.10
Pertumbuhan Purata Tahunan Guna Tanah Pertanian
untuk Industri dan Makanan (%)

	1986-1990	1991-1995	1996-2000	2001-2005 [†]
Komoditi untuk industri				
Getah	-1.5	-1.4	-3.7	-1.9
Kelapa sawit	6.0	4.1	6.7	-2.2
Koko	6.7	-8.1	-14.8	0.0
Lada hitam	12.4	-5.6	5.9	1.7
Nanas	-2.1	4.9	2.4	9.4
Tembakau	-8.9	0.7	7.3	-3.6
Komoditi makanan				
Padi	0.4	0.1	-0.7	0.6
Kelapa	-0.2	-2.0	-5.9	-1.8
Sayur-sayuran	0.2	2.9	4.1	8.5
Buah-buahan	6.4	6.6	4.0	5.0
Lain-lain	-1.2	-0.1	-0.2	0.1
Jumlah	2.0	0.8	0.7	1.2

Nota: [†]Anggaran

Sumber: Malaysia, Laporan Ekonomi (pelbagai tahun)
 Malaysia, Rancangan Malaysia (pelbagai keluaran)

Jadual 8.11
Program Penanaman Semula, Penyatuan dan Pemulihan Tanah, dan Pembangunan
Tanah Baru (hektar)











	1986-1990	Pencapaian (%)	1991-1995	Pencapaian (%)	1996-2000	Pencapaian (%)	2001-2005 [†]
Penanaman semula	170,152	90.0	305,420	103.5	214,530	91.5	532,354
Penyatuan dan pemulihan tanah	151,102	98.0	48,310	43.2	180,995	61.8	422,057
Pembangunan tanah baru	286,700	123.2	290,450	91.1	132,484	46.5	365,269

Nota: [†]Anggaran











Sumber: Malaysia, Laporan Ekonomi (pelbagai tahun)
 Malaysia, Rancangan Malaysia (pelbagai keluaran)

Jika dilihat dari segi trend pertumbuhan pula, hanya 5 daripada 20 komoditi pertanian komersial yang menunjukkan penurunan dalam jangka masa 1996 hingga 2000, iaitu getah (-10.8%), kayu balak (-2.4%), koko (-11.9), kelapa (8.4%), dan babi (-11.9) sedangkan selebihnya menunjukkan pertumbuhan positif dengan lada hitam menunjukkan pertumbuhan tertinggi 12.6 peratus, diikuti daging lembu (10.5%) dan daging ayam-itik (8.8%) dengan yang terendah ialah sektor padi dengan 1.0 peratus (*Jadual 8.13*).

Rajah 8.6
Trend Pengeluaran Komoditi Pertanian Komersil Terpilih (%)



Prognosis Pembangunan dan Tranformasi Struktur



Selain itu, hakikat sektor pertanian perlu dipertahankan kerana kepentingan keperluan keselamatan makanan juga masih relevan. Tahap sara diri negara dari segi keperluan beras jatuh (-5.3%), keluaran perikanan (-3%) dan daging babi (-24%) pada tahun 2000 (*Jadual 8.14*). Kejatuhan besar dalam keperluan babi negara daripada 283,000 tan pada tahun 1995 kepada 150,000 pada tahun 2000 ialah kesan langsung wabak *Japanese Encephalitis* dan virus Nipah yang melanda hampir ke seluruh negara yang mengalami kejatuhan besar daripada 104 peratus kepada 80 peratus. Daripada keseluruhan tahap sara diri, hanya daging ayam-itik dan telur yang melebihi tahap mampu diri, manakala

Jadual 8.12
Pengeluaran Komoditi Pertanian ('000 tan)

Pengeluaran	1980	1985	1990	1995	2000	2005 [†]
Komoditi pertanian untuk industri						
Getah	1,530.0	1,470.0	1,291.0	1,089.0	616.0	560.0
Minyak sawit mentah	2,575.9	4,133.0	6,094.6	7,811.0	10,840.0	12,416.0
Isirong kelapa sawit	222.3	1,212.0	1,844.6	2,396.0	3,220.0	3,774.0
Kayu balak (meter padu)	27,916.0	30,956.0	40,099.0	31,842.0	23,898.0	18,864.0
Koko	36.5	108.0	247.0	131.0	70.0	115.0
Lada hitam	31.6	19.0	31.0	13.0	24.0	30.0
Nenas	185.3	153.0	168.3	140.0	184.0	264.0
Tembakau	n.a.	9.0	10.2	10.0	11.0	15.0
Bunga-bunga (ribu rangkai)	n.a.	n.a.	56,474.8	365,070.0	501,697.0	686,010.0
Komoditi pertanian untuk makanan						
Padi	2,040.2	1,953.0	2,016.3	2,127.0	2,235.0	2,813.0
Buah-buahan (komersil)	n.a.	852.0	1,530.8	1,020.0	1,376.0	1,982.0
Sayur-sayuran	n.a.	184.0	693.9	718.0	1,019.0	1,390.0
Kelapa (juta unit)	787.5	1,826.0	1,257.0	1,389.0	550.0	824.0
Perikanan	743.7	626.0	1,003.6	1,241.0	1,511.0	1,860.0
Terernakan						
Daging lembu	17.2	17.0	12.8	17.0	28.0	40.0
Daging kambing	0.8	0.6	0.8	0.8	1.0	1.5
Daging babi	135.9	164.0	227.9	283.0	150.0	183.0
Daging ayam itik	125.6	251.0	385.9	687.0	1,050.0	1,329.0
Telur (juta unit)	2,534.7	3,395.0	5,505.0	6,242.0	8,221.0	9,974.0
Susu (juta liter)	8.3	24.0	28.9	37.0	50.0	65.0

Nota: [†] Anggaran

n.a. Data tidak diperolehi

Sumber: Malaysia, Laporan Ekonomi (pelbagai tahun)

Malaysia, Rancangan Malaysia (pelbagai keluaran)

selebihnya masih di bawah paras mencukupi 100 peratus. Tahap mampu diri yang sangat rendah terutama bagi susu (4.0%) adalah seharusnya diberi perhatian serius kerana impak yang cukup besar bagi pengeluaran susu negara sebagai makan asasi bayi.

Kepentingan sektor pertanian dari segi import makanan juga perlu diberi perhatian serius kerana ia selain melibatkan perbelanjaan yang cukup besar iaitu RM12,964.8 juta pada tahun 2000 berbanding eksport yang hanya berjumlah RM6,599.0 juta pada tahun yang sama. Ia juga menggambarkan kehilangan tukaran asing dan defisit akaun perdagangan

Jadual 8.13
Pertumbuhan Pengeluaran Komoditi Pertanian (%)

	1976-1980	1981-1985	1986-1990	1991-1995	1996-2000	2001-2005
Komoditi pertanian untuk industri						
Getah	1.6	-5.2	-2.6	-3.0	-10.8	-1.9
Minyak sawit mentah	15.5	60.3	8.1	5.1	6.8	2.8
Isirong kelapa sawit	n.a.	125.8	8.8	5.4	6.1	2.3
Kayu balak	5.2	12.3	5.8	-4.3	-5.6	-2.4
Koko	n.a.	182.2	19.4	-9.3	-11.9	7.4
Lada hitam	1.4	-39.9	8.7	-11.8	12.6	4.6
Nenas	n.a.	-20.7	2.6	1.1	5.6	7.5
Tembakau	n.a.	n.a.	1.6	0.3	1.1	6.4
Bunga-bunga	n.a.	n.a.	n.a.	14.9	6.6	6.5
Komoditi pertanian untuk makanan						
Padi	2.2	-5.3	-4.0	1.4	1.0	4.7
Buah-buahan	n.a.	n.a.	6.4	7.4	6.2	7.6
Sayur-sayuran	n.a.	n.a.	4.0	2.7	7.2	6.4
Kelapa	n.a.	-68.3	-3.1	-2.0	-16.9	8.4
Ternakan						
Daging lembu	n.a.	11.0	1.9	4.1	10.5	7.5
Daging kambing	n.a.	0.0	1.9	6.5	5.2	5.9
Daging babi	n.a.	16.9	5.1	6.0	-11.9	4.0
Daging ayam-itik	n.a.	22.9	7.9	10.9	8.8	4.8
Telur	n.a.	36.5	6.8	7.1	5.7	3.9
Susu	n.a.	250.4	7.4	3.2	6.1	5.5

Nota: †Anggaran
n.a. Data tidak diperolehi

Sumber: Malaysia, Laporan Ekonomi (pelbagai tahun)
Malaysia, Rancangan Malaysia (pelbagai keluaran)

terutama import bagi keluaran tenusu yang berjumlah RM1,420.3 juta dan buah-buahan & sayur-sayuran berjumlah RM1,913.6 juta pada tahun yang sama (*Jadual 8.15*). Defisit ini juga meliputi makan untuk binatang/ternakan dan input pertanian itu sendiri.

Kadar pertumbuhan purata tahunan purata eksport makanan juga menunjukkan peratusan positif menunjukkan ruang masih boleh dieksploitasi oleh pelbagai pihak kerajaan dan swasta terutama keluaran bahan makanan untuk haiwan dan keluaran tenusu dengan masing-masing 12.9 dan 10.4 peratus dalam jangka masa 1996 hingga 2000. Bagaimanapun, purata pertumbuhan jumlah eksport yang rendah pada tahun 2000 (8.1%) berbanding import 10.7 peratus perlu diberi perhatian.

Jadual 8.14
Tahap Sara Diri Komoditi Makanan (%)

Komoditi	1990	1995	2000	2005 [†]
Beras	80	76.3	71.0	72.0
Buah-buahan	94	88.9	91.3	98.6
Sayur-sayuran	93	71.6	88.5	95.6
Keluaran perikanan	91	92.0	89.0	90.0
Daging lembu	30	19.2	22.7	23.2
Daging kambing	10	6.0	6.4	7.1
Daging babi	117	104.0	80.0	76.1
Daging ayam-itik	115	110.7	127.8	143.2
Telur	109	110.3	138.8	152.5
Susu	4	3.5	4.0	4.5

Nota: [†]Anggaran

Sumber: Malaysia, Laporan Ekonomi (pelbagai tahun)
Malaysia, Rancangan Malaysia (pelbagai keluaran)

Dalam sektor pemprosesan hiliran, keluaran pertanian juga sebenarnya masih penting sebagai input kepada sektor industri. Kecuali minyak sawit, peratusan komoditi pertanian yang digunakan untuk pemprosesan meningkat dengan kadar positif. Keluaran getah meningkat setinggi 31 peratus iaitu dari 30.1 kepada 61.1 peratus bagi tempoh 1995 hingga 2000, diikuti koko daripada 60.3 kepada 84.3 peratus dengan peningkatan sebanyak 24 peratus dalam tempoh yang sama. Begitu juga dengan kayu balak dan lada hitam yang masing-masing meningkat 1.3 dan 1 peratus. Bagi keluaran minyak sawit, walaupun terdapat kejatuhan 1.7 peratus, daripada 15.1 peratus kepada 13.4 peratus tetapi nilai mutlaknya meningkat dengan banyak daripada 7,654 ribu tan kepada 10,623 ribu tan. Peminggiran sektor pertanian, jika tidak diambil kira dari sudut ini bukan saja boleh melemahkan rangkaian industri hiliran-huluan tetapi juga dan industri berasaskan sumber tempatan.

Nilai ditambah sektor pertanian bagi keluaran minyak sawit, padi, ternakan, perikanan dan pelbagai keluaran lain juga menunjukkan peningkatan positif dari segi nilai mutlak, dalam jangka masa 1995 hingga 2000 (*Jadual 8.19*). Nilai ditambah minyak sawit meningkat daripada RM4,234 juta pada tahun 1995 kepada RM6,199 juta pada tahun 2000, padi RM516 juta kepada RM532 juta, ternakan RM953 juta kepada RM1,109 juta, perikanan RM1,924 juta kepada RM2,375 juta dalam tempoh terlibat.

Pertumbuhan purata tahunan nilai ditambah sektor pertanian juga masih positif bagi kebanyakan komoditi pertanian dalam jangka masa 1996 hingga 2000. Pertumbuhan purata nilai ditambah minyak sawit meningkat daripada 5.1 peratus dalam jangka masa 1991 hingga 1995 kepada 7.9 peratus jangka masa 1996 hingga 2000. Kelahiran padi,

Jadual 8.15
Eksport dan Import Makanan, 1995 hingga 2005 (RM juta)

Perkara	1990	%	1995	%	2000	%	2005 [†]	%
Eksport	3							
Haiwan hidup	385.0	9.7	552.5	12.4	736.9	11.2	1,020.0	11.0
Daging & penyediaan daging	44.4	1.1	21.3	0.5	26.6	0.4	32.6	0.4
Keluaran tenusu	157.4	3.9	245.8	5.5	403.1	6.1	575.3	6.2
Buah-buah & sayur-sayuran	379.2	9.5	496.0	11.1	701.2	10.6	918.4	9.9
Beras	0.1	0.0	1.9	0.0	1.5	0.0	2.8	0.0
Ikan, kerang, kepah & penyediaan selepas itu	606.8	15.2	824.6	18.5	1,236.1	18.7	1,711.0	18.5
Bahan makanan untuk haiwan [‡]	280.5	7.0	326.1	7.3	597.8	9.1	1,002.5	10.8
Lain-lain	2,138.1	53.6	1,997.8	44.7	2,895.7	43.9	4,006.0	43.2
Import	4							
Haiwan hidup	67.0	1.5	142.0	1.8	205.8	1.6	354.2	1.6
Daging & penyediaan daging	248.4	5.5	279.0	3.6	465.6	3.6	767.2	3.5
Keluaran tenusu	538.7	11.8	951.9	12.2	1,420.3	11.0	2,364.8	10.8
Buah-buah & sayur-sayuran	609.0	13.4	1,127.8	14.5	1,913.6	14.8	3,255.0	14.9
Beras	270.0	5.9	356.1	4.6	500.7	3.9	764.8	3.5
Ikan, kerang, kepah & penyediaan selepas itu	361.7	7.9	773.1	9.9	1,342.8	10.4	2,302.4	10.5
Bahan makanan untuk haiwan [‡]	300.2	6.6	582.3	7.5	1,219.7	9.4	2,166.1	9.9
Lain-lain	2,156.2	47.4	3,572.1	45.9	5,896.4	45.5	9,922.4	45.2

Nota: [†]Anggaran

[‡]Tidak termasuk import bijirin jagung dan kacang soya

Sumber: Malaysia, Laporan Ekonomi (pelbagai tahun)

Malaysia, Rancangan Malaysia (pelbagai keluaran)

ternakan, dan perikanan juga masih menampakkan pertumbuhan positif walaupun mengalami sedikit penurunan dalam jangka masa terlibat (*Jadual 8.20*). Bagi perhutanan dan pembalakan, pertumbuhan negatif mulai menguncup daripada -4.1 peratus dalam jangka masa 1991 hingga 1995 kepada -3.9 peratus dalam tempoh 1996 hingga 2000. Begitu juga keluaran koko yang menguncup dari -7.8 peratus kepada hanya -1.6 peratus dalam tempoh terlibat.

Perbelanjaan pembangunan kerajaan untuk pertanian dan pembangunan luar bandar juga menunjukkan peningkatan jumlah peruntukan dan perbelanjaan yang besar dari setahun ke setahun (*Rajah 8.7*). Perbelanjaan misalnya meningkat daripada hanya RM1,114.1 juta dalam jangka masa 1966 hingga 1970 kepada RM7,888.2 juta dalam jangka masa 1981 hingga 1985 (*Jadual 8.21*). Di samping itu program pembangunan pertanian juga melibatkan perbelanjaan yang cukup besar. Bagi tempoh 1995–2000 misalnya, sejumlah

Jadual 8.16
Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata Eksport dan Import Makanan (%)

Perkara	1991–1995	1996–2000	2001–2005 [†]
Eksport	2.4	8.1	7.0
Haiwan hidup	7.2	5.9	6.7
Daging & penyediaan daging	7.6	4.6	4.1
Keluaran tenusu	8.7	10.4	7.4
Buah-buah & sayur-sayuran	7.0	7.2	5.5
Beras	15.2	-4.8	12.9
Ikan, kerang, kepa & penyediaan selepas itu	6.9	8.4	6.7
Bahan makanan untuk haiwan [‡]	2.8	12.9	10.9
Lain-lain	-2.0	7.7	6.7
Import	8.0	10.7	11.1
Haiwan hidup	8.6	7.7	11.5
Daging & penyediaan daging	6.5	10.8	10.5
Keluaran tenusu	6.2	8.3	10.7
Buah-buah & sayur-sayuran	10.1	11.2	11.2
Beras	1.8	7.1	8.8
Ikan, kerang, kepa & penyediaan selepas itu	16.0	11.7	11.4
Bahan makanan untuk haiwan [‡]	12.5	15.9	12.2
Lain-lain	6.3	10.5	11.0

Nota: [†]Anggaran

[‡]Tidak termasuk import bijirin jagung dan kacang soya

Sumber: Malaysia, Laporan Ekonomi (pelbagai tahun)

Malaysia, Rancangan Malaysia (pelbagai keluaran)

RM8.1 bilion diperuntukkan dengan sebahagiannya untuk pembangunan *in-situ* melalui Projek Pembangunan Bersepadu (*IADP*), Lembaga Kemajuan Wilayah (*LKW*), Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (*FELCRA*), dan juga Lembaga Pertubuhan Peladang (*LPP*) (Malaysia, 2001, *Rancangan Malaysia Kelapan 2001–2005*).

Kesimpulan

Perubahan atau transformasi struktur memang perlu dalam membangunkan ekonomi negara. Perubahan struktur ini juga membawa erti sumbangan sektor pertanian akan semakin mengecil dalam sumbangan kepada hampir semua aspek makro ekonomi negara. Jelas sumbangan tersebut menurun dari setahun ke setahun terutama sumbangannya terhadap KDNK, eksport, guna tenaga, guna tanah, dan juga pengeluaran. Namun begitu, kepentingan sektor ini terutama untuk keselamatan makan negara, tukaran asing, rangkaian

Jadual 8.17

Pemprosesan dan Penggunaan Komoditi Pertanian untuk Industri ('000 tan)

Perkara	1990	1995	2000	2005 [†]
Minyak sawit diproses (PPO)	6,001	7,654	10,623	12,195
PPO digunakan untuk keluaran akhir	900	1,159	1,423	1,485
PPO digunakan untuk keluaran akhir (%)	14.8	15.1	13.4	12.2
Getah	1,291	1,089	616	560
Getah digunakan untuk keluaran akhir	188	327	375	490
Getah digunakan untuk keluaran akhir (%)	14.6	30.1	61.1	87.5
Kayu balak ('000 meter padu)	11,127	31,842	23,898	18,864
Kayu balak digunakan untuk keluaran akhir	n.a.	23,978	18,394	19,000
Kayu balak digunakan untuk keluaran akhir (%)	n.a.	75.3	77.0	89.9
Koko	84	131	70.0	115
Koko digunakan untuk keluaran akhir	13	79.0	59.0	70.0
Koko Digunakan untuk keluaran akhir (%)	5.3	60.3	84.3	60.9
Lada hitam	n.a.	13.0	24.0	30.0
Lada hitam digunakan untuk keluaran akhir	n.a.	0.95	2.0	3.0
Lada hitam digunakan untuk keluaran akhir (%)	n.a.	7.3	8.3	10.0

Nota: [†]Anggaran

n.a. Data tidak diperolehi

Sumber: Malaysia, Laporan Ekonomi (pelbagai tahun)

Malaysia, Rancangan Malaysia (pelbagai keluaran)

dengan industri hulu, dan perbelanjaan besar kerajaan juga harus diambil kira. Selain itu, beberapa aspek penting seperti nilai ditambah dan daya tahan sektor ini terutama mengharungi tempoh kemelesetan ekonomi turut perlu dititikberatkan. Sungguhpun beberapa aspek seperti guna tenaga dan guna tanah semakin berkurang, ia boleh diberi ruang terutama melalui peningkatan produktiviti dan kejenteraan moden selain penglibatan sektor swasta dengan sokongan mantap pihak kerajaan terutama penyediaan infrastruktur yang komprehensif dan efisien.

Beberapa bidang baru pertanian masih mempunyai peluang luas untuk diteroka dan berpotensi untuk pasaran luar seperti keluaran ikan perhiasan, agropelancongan, bunga-bunga atau florikultur, burung unta dan rusa. Bilangan burung unta misalnya meningkat daripada 2,400 ekor pada tahun 1995 kepada 5,000 ekor pada tahun 2000 manakala rusa meningkat daripada 94,300 kepada 165,100 pada tahun berkenaan. Hasil sampingan ternakan berkenaan juga boleh dikembangkan untuk aksesori, kraf tangan dan kulit. Keluaran herba juga berpotensi luas dibangunkan jika mendapat bimbingan dan galakan terutama pihak kerajaan. Nilai pasaran tepatan untuk ubat-ubatan herba berjumlah RM2 bilion pada tahun 1999 dengan import sebanyak RM430.5 juta berbanding eksport hanya RM63.4 juta. Selain itu, industri buah-buahan juga sedang dan masih berpotensi. Pada tahun 1998, eksport tembikai negara berjumlah RM75 juta adalah yang ketiga terbesar di dunia selepas Sepanyol dan Mexico (Redzuan Ibrahim, 2000).

Jadual 8.18
Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata Pemprosesan dan Penggunaan Komoditi
Pertanian untuk Industri (%)

Perkara	1991-1995	1996-2000	2001-2005 [†]
Minyak sawit diproses (PPO)	4.7	6.8	2.8
PPO digunakan untuk keluaran akhir	7.4	4.2	0.9
Getah	-3.0	-10.8	-1.9
Getah digunakan untuk keluaran akhir	11.2	2.7	5.5
Kayu balak (*000 meter padu)	6.2	-5.6	-2.4
Kayu balak digunakan untuk keluaran akhir	n.a.	-5.2	0.7
Koko	-5.3	-11.9	7.4
Koko digunakan untuk keluaran akhir	12.1	-5.7	3.5
Lada hitam	n.a.	12.6	4.6
Lada hitam digunakan untuk keluaran akhir	n.a.	16.1	8.4

Nota: [†]Anggaran

n.a. Data tidak diperoleh

Sumber: Malaysia, Laporan Ekonomi (pelbagai tahun)

Malaysia, Rancangan Malaysia (pelbagai keluaran)

Jadual 8.19
Nilai Ditambah Sektor Pertanian (RM juta)

Komoditi	1990	%	1995	%	2000	%	2005 [†]	% [†]
Getah	2,043	13.8	2,129	12.4	1,178	6.5	1,025	4.9
Minyak sawit	5,312	35.8	4,235	24.7	6,199	34.1	7,364	35.0
Perhutanan dan pembalakan	2,315	15.6	4,139	24.2	3,395	18.7	3,038	14.5
Koko	1,230	8.3	1,225	7.3	1,159	6.4	1,192	5.7
Padi	600	4.0	516	3.0	532	2.9	673	3.2
Ternakan	604	4.1	953	5.6	1,109	6.1	1,454	6.9
Perikanan	1,534	10.3	1,964	11.5	2,375	13.1	2,998	14.3
Pelbagai ¹	1,189	8.1	1,924	11.2	2,207	12.2	3,274	15.6
Jumlah	14,827	100	17,115	100.0	18,154	100.0	21,018	100.0

Nota: [†]Anggaran

¹Termasuk kopi, teh, kelapa, tembakau, lada hitam, sayur-sayuran, buah-buahan, bunga-bunga, herba dan lain-lain.

Sumber: Malaysia, Laporan Ekonomi (pelbagai tahun)

Malaysia, Rancangan Malaysia (pelbagai keluaran)

Jadual 8.20
Pertumbuhan Purata Tahunan Nilai Ditambah Sektor Pertanian (%)

Komoditi	1991-1995	1996-2000	2001-2005 [†]
Getah	-3.1	-11.2	-2.7
Minyak sawit	5.1	7.9	3.5
Perhutanan dan pembalakan	-4.1	-3.9	-2.2
Koko	-7.8	-1.6	0.6
Padi	2.1	0.6	4.8
Ternakan	6.8	3.1	5.6
Perikanan	5.4	3.9	4.8
Pelbagai ¹	n.a.	2.8	8.2
Jumlah	n.a.	1.2	3.0

Nota: [†]Anggaran


n.a. Data tidak diperoleh

¹Termasuk kopi, teh, kelapa, tembakau, lada hitam, sayur-sayuran, buah-buahan, bunga-bunga, herba dan lain-lain.

Sumber: Malaysia, Laporan Ekonomi (pelbagai tahun)

Malaysia, Rancangan Malaysia (pelbagai keluaran)

Rajah 8.7
Trend Perbelanjaan Pembangunan untuk Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (%)



Perubahan struktur ekonomi daripada sektor pertanian kepada sektor pembuatan dan perkhidmatan sebenarnya lebih memerlukan 'perubahan struktur dalaman' sektor pertanian itu sendiri bukan saja dari penggunaan teknologi tradisi kepada teknologi moden, malah pengurusan, produktiviti, daya saing, dan sikap semua pihak bagi menjamin kepentingan sektor tersebut yang ternyata masih relevan dalam pembangunan ekonomi negara.

Jadual 8.21
Perbelanjaan Pembangunan untuk Pertanian dan
Pembangunan Luar Bandar (RM juta)

	Peruntukan	Perbelanjaan
1966–1970	1,086.6	1,114.1
1971–1975	2,129.0	2,368.9
1976–1980	4,666.2	6,448.3
1981–1985	7,671.3	7,888.2
1986–1990	7,325.0	7,427.0
1991–1995	8,215.2	8,708.2
1996–2000	8,139.3	8,286.9
2001–2005 [†]	7,860.0	n.a.

Nota: [†]Anggaran

n.a. Data tidak diperoleh

¹Termasuk IADP, skim penanaman semula dan program penyatuan dan pemulihan tanah.

²Termasuk pinjaman pertanian, R&D (tidak termasuk peruntukan di bawah IRPA), pemasaran dan pengembangan dan perkhidmatan lain

Sumber: Malaysia, Laporan Ekonomi (pelbagai tahun)

Malaysia, Rancangan Malaysia (pelbagai keluaran)

Pengalaman negara maju menunjukkan bahawa perubahan struktur dari sektor pertanian kepada sektor pembuatan juga sebenarnya diikuti dengan perubahan struktur dalaman sektor pertanian itu sendiri dengan menjadikan sektor pertanian lebih bedaya saing, moden dan menguntungkan

Rujukan

- Asan Ali, G. H., & Ahmad Mahdzan, A. (1999). *Trend penggunaan dan import makanan 1970–1996*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Chamhuri, S., & Surtahman, K. H. (2002). *Ekonomi Malaysia*. (Edisi Kelima). Petaling Jaya: Pearson Education.
- Chenery, H. (1979). *Structural change and development policy*. Oxford University Press.
- Kementerian Penerangan Malaysia (1990). *Dasar-dasar kerajaan*. Jabatan Percetakan Negara.
- Kementerian Kewangan Malaysia (1998). *Laporan Ekonomi 1998/99*.

Prognosis Pembangunan dan Tranformasi Struktur

Kementerian Kewangan Malaysia (1999). *Laporan Ekonomi 1999/2000*.

Kementerian Kewangan Malaysia (2000). *Laporan Ekonomi 2000/2001*.

Kementerian Kewangan Malaysia (2001). *Laporan Ekonomi 2001/2002*.

Kementerian Kewangan Malaysia (2002). *Laporan Ekonomi 2002/2003*.

Kuznets, S. (1965). *Economic growth and structure. Selected essays*. London. Heinemann Educational Books Ltd.

Malaysia (1966). *Rancangan Malaysia Pertama 1966–1970*.

Malaysia (1971). *Rancangan Malaysia Kedua 1971–1975*.

Malaysia (1976). *Rancangan Malaysia Ketiga 1976–1980*.

Malaysia (1981). *Rancangan Malaysia Keempat 1981–1985*.

Malaysia (1986). *Rancangan Malaysia Kelima 1986–1990*.

Malaysia (1991). *Rancangan Malaysia Keenam 1991–1995*.

Malaysia (1996). *Rancangan Malaysia Ketujuh 1996–2000*.

Malaysia (2001). *Rancangan Malaysia Kelapan 2001–2005*.

Ministry of Primary Industries (1970). *Statistics on commodities*.

Ministry of Primary Industries (1980). *Statistics on commodities*.

Ministry of Primary Industries (1990). *Statistics on commodities*.

Ministry of Primary Industries (1998). *Profile: Malaysia's primary commodities. 8th issue 1998*.

Ministry of Primary Industries (2000). *Statistics on commodities*.

Redzuan, I. (2000). *Peluang pelaburan dalam pertanian*. Dewan Masyarakat.

Todaro, M. P., & Stephen, C. S. (2003). *Economic development*. (8th ed.). Pearson Education Ltd.

Unit Perancang Ekonomi (2001). *Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga 2001–2010*.